



TEKS UCAPAN
KETUA PENGARAH
JABATAN PEMBANGUNAN WANITA
SEMPENA
PROGRAM TOLERANSI SIFAR KEGANASAN
WP LABUAN

25 JULAI 2025 | JUMAAT | 10.00 PAGI
PALM BEACH RESORT AND SPA, LABUAN

Kemas kini 18 Julai 2025

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Terima kasih kepada Saudara/Saudari Pengacara Majlis.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

(A) PENDAHULUAN

1. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.
2. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia-Nya, kita semua dapat berhimpun pada hari yang penuh bermakna ini sempena Program Toleransi Sifar Keganasan di WP Labuan.

3. Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan selamat datang kepada semua penjawat awam, wakil daripada badan korporat dan badan berkanun kerajaan, pelajar, tenaga pengajar, serta warga WP Labuan sekalian. Kehadiran anda semua amat kami hargai.
4. Sesungguhnya, kehadiran tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini bukan sekadar memenuhi jemputan, tetapi ia melambangkan solidariti, sokongan teguh, dan kebersamaan kita dalam menyokong agenda kesejahteraan masyarakat.

Matlamat kita jelas: untuk mencapai persekitaran yang selamat dan kondusif untuk semua.

(B) AKTA ANTIGANGGUAN SEKSUAL 2022 [AKTA 840]

Hadirin yang dihormati,

5. Bagi menangani isu ini, kerjasama semua pihak amatlah penting. Sebagai usaha serius, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menggubal

Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840] yang telah berkuatkuasa secara berperingkat bermula 28 Mac 2023. KPWKM juga telah membangunkan Garis Panduan Pelaksanaan Program Advokasi Antigangguan Seksual yang turut dikuatkuasakan pada tarikh yang sama.

6. Pembangunan garis panduan ini adalah inisiatif penting Kementerian untuk menggalakkan pencegahan dan meningkatkan kesedaran mengenai isu antigangguan seksual dalam semua lapisan masyarakat. Garis panduan ini

memperincikan Pelan Tindakan Pencegahan dan Pelan Tindakan Kesedaran bagi memandu kita dalam menghindari gangguan seksual serta tindakan yang perlu diambil jika ia berlaku.

7. Untuk makluman semua, selaras dengan Akta 840, Tribunal bagi Antigangguan Seksual (TAGS) juga mula beroperasi pada tarikh tersebut. TAGS berfungsi sebagai saluran alternatif yang pantas, mudah, dan berkos minimum berbanding mahkamah sivil. Ia membolehkan mangsa mengambil

tindakan terhadap pelaku bagi mendapatkan hak tebus rugi atas kehilangan atau kerosakan akibat gangguan seksual yang dialami.

8. Sehingga 4 Julai 2025, sebanyak 43 aduan gangguan seksual telah difailkan di TAGS, dan daripada jumlah tersebut, 36 aduan telah berjaya diselesaikan. Ini menunjukkan keberkesanan dan kepentingan tribunal ini. Saya pasti tuan/puan telah didedahkan dengan fungsi TAGS ini dan bagaimana kaedah untuk membuat aduan di sini.

(C) PROGRAM TOLERANSI SIFAR KEGANASAN

Hadirin yang dihormati,

9. Gangguan seksual adalah perilaku subjektif yang boleh berlaku di mana-mana dan kepada sesiapa sahaja, tanpa mengira jantina, bangsa, atau agama. Justeru, amat penting bagi setiap anggota masyarakat untuk sedar bahawa gangguan seksual adalah perbuatan yang menimbulkan

perasaan tidak selesa, takut, atau terancam kepada mangsa.

10. Isu gangguan seksual telah lama berlaku dan ia perlu dihentikan. Kesedaran mengenainya dalam kalangan rakyat Malaysia perlu diperjelaskan kepada masyarakat supaya perlakuan ini tidak menjadi normalisasi. Hal seumpama ini secara tidak langsung akan menjejaskan perkembangan psikologi dan fizikal mangsa, sekali gus membawa mudarat kepada masyarakat.

11. Ada sesetengah pihak beranggapan tutur kata berunsur seksual mereka hanyalah jenaka biasa atau salah faham. Namun, harus diingat, gangguan seksual berbentuk perkataan atau sentuhan sering kali menjadi pemula kepada jenayah seksual yang lebih berat.
12. Oleh itu, menormalisasi perlakuan ini sama sekali tidak boleh diterima. Tiada ruang langsung harus diberikan kepada pelaku gangguan seksual, sama ada secara terang-terangan mahupun sekadar gurauan. Inilah masanya mangsa yang

terlibat untuk bangkit dan lapor. Saya yakin dengan diri anda dan jangan biarkan anda diperlakukan sebegitu rupa.

13. Statistik PDRM menunjukkan peningkatan membimbangkan: 477 kes pada 2022, meningkat kepada 522 kes pada 2023, dan melonjak kepada 788 kes pada 2024. Sehingga Mac 2025 sahaja, 214 kes telah dilaporkan.
14. Peningkatan laporan ini, walaupun membimbangkan dari satu sudut, turut menunjukkan bahawa masyarakat kini semakin sedar akan kepentingan keselamatan diri. Ini adalah

hasil daripada program-program advokasi yang dianjurkan oleh agensi di bawah KPWKM, khususnya Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), dalam menyebar luas kefahaman mengenai Akta 840 dan bagaimana masyarakat perlu bertindak.

15. Saya meletakkan harapan yang tinggi agar semua pihak dapat membantu KPWKM dalam menyebarkan advokasi berkaitan gangguan seksual. Ini bertujuan untuk mencegah dan meningkatkan kesedaran awam. Isu yang tidak

dibendung dari awal boleh menjadi punca masalah yang lebih serius, termasuk keganasan terhadap wanita.

(D) PENUTUP

Hadirin yang saya kasihi,

16. Nasihat saya kepada tuan/puan sekalian, jangan sesekali menormalisasikan gangguan seksual. Sebaliknya, beranilah untuk mengatakan TIDAK kepada perlakuan ini. Hanya dengan itu, kita dapat bersama-sama membendung kejadian gangguan seksual dan secara tidak langsung

menyokong pewujudan persekitaran yang selamat untuk semua individu, terutamanya wanita.

17. Khususnya kepada mangsa, dan juga kepada semua, saya ingin menyeru agar:

- a. Berani dan segera tampil membuat aduan melalui saluran yang betul;
- b. Simpan semua bukti yang ada;
- c. Jangan pendam masalah yang dihadapi;

- d. Sentiasa mencari dan berkongsi maklumat yang betul berkaitan isu ini;
- e. Bantu mereka yang menjadi mangsa supaya berani membuat aduan; dan
- f. Ketahui hak anda sebagai seorang wanita khususnya.

18. Oleh itu, marilah kita sama-sama membantu menyedarkan masyarakat dan kaum wanita khususnya, bahawa gangguan seksual bukanlah perkara yang normal, malah perlu ditegah dan dihentikan.

19. Akhir kalam, dengan lafaz "Bismillahir Rahmanir Rahim", sukacita saya merasmikan Program Toleransi Sifar Keganasan WP Labuan pada hari ini.

Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Hanani binti Sapit
Ketua Pengarah

Jabatan Pembangunan Wanita

25 Julai 2025